



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**



**PEJABAT KETUA PENGARAH
TINGKAT 12, BANGUNAN RISDA
JALAN AMPANG
KARUNG BERKUNCI 11067
50990 KUALA LUMPUR.**


**☎ : 03-42564022
☎ : 03-42510103**

**Rujukan Kami: RISDA.100-1/7/4 ()
Tarikh : 12 Disember 2017**

Kepada:

- i. Semua Pengarah Bahagian
- ii. Semua Pengarah RISDA Negeri
- iii. Semua Ketua Pegawai Eksekutif SMR
- iv. Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian
- v. Semua Pengetua IKPK/RISTEC

SALINAN DIAKUI SAH


.....
KHAIROL NAZREE BIN ABU BASIR
Pengurus Besar
Jabatan Pentadbiran &
Sumber Manusia
RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Y.Bhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan/Encik/Cik,

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 16 TAHUN 2017
POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT (WHISTLE-BLOWING POLICY)**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan/Encik/Cik mengenai perkara di atas.

TUJUAN

1. Arahkan pentadbiran ini bertujuan memaklumkan keputusan Pengurusan RISDA berhubung pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat atau 'Whistle-blowing Policy' di RISDA.

DEFINISI

2. Dalam arahan ini –

“**Ketua Jabatan**” bermaksud ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab mengetuai sesuatu bahagian, negeri, daerah atau jajahan di RISDA, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pihak Berkuasa RISDA untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa;

“**pegawai**” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh RISDA, dan dibayar emolumen oleh RISDA, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan atau ditempatkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat milikan RISDA atau mana-mana syarikat atau badan yang di dalamnya RISDA mempunyai kepentingan; dan

“**urus setia**” bermaksud Unit Integriti, Pejabat Ketua Pengarah.

LATAR BELAKANG

3. RISDA sentiasa komited di dalam melaksana dan menjunjung prinsip integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan sepertimana yang terkandung di dalam Kod Etika RISDA.

4. Di antara langkah yang telah diambil oleh RISDA ialah melaksanakan *Integrity Pact* dalam urusan perolehan, Pelan Integriti Organisasi dan perisytiharan komitmen RISDA secara terbuka melalui *Corporate Integrity Pledge (CIP)*.

5. Sebagai langkah mempertingkatkan lagi pengukuhan integriti di RISDA, kini diwujudkan platform kepada warga RISDA dan juga orang awam yang berurusan dengan RISDA untuk mendedahkan sekiranya terdapat sebarang kelakuan tidak wajar yang berlaku di RISDA. Polisi ini merupakan antara inisiatif yang dinyatakan dalam Ikrar Integriti Korporat (CIP) antara RISDA dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Rujukan Kami:RISDA.100-1/7/4 ()

6. Demikian bagi memperkukuhkan mekanisme pengaduan yang sedia ada, RISDA kini melaksanakan Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistle-blowing Policy*' bagi menggalakkan sebarang kelakuan tidak wajar yang berlaku di RISDA dilaporkan dan diambil tindakan sewajarnya oleh Pengurusan.

DEFINISI POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU '*WHISTLE-BLOWING POLICY*'

7. Pemberi maklumat adalah dirujuk sebagai pendedahan yang dibuat oleh seseorang individu yang terdiri daripada pegawai RISDA sendiri atau mana-mana individu mewakili sesebuah syarikat, agensi atau orang perseorangan yang berurusan dengan jabatan ini untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan di dalam pelaksanaan aktiviti atau kelakuan tidak wajar oleh pegawai RISDA.

JENIS-JENIS KELAKUAN TAK WAJAR (KTW)

8. Pemberi maklumat boleh melaporkan aduan atau apa-apa kelakuan yang tidak wajar yang dilakukan oleh pegawai RISDA seperti berikut:

- (i) Kejadian penipuan, rasuah atau sogokan;
- (ii) Kelakuan atau aktiviti yang melanggar mana-mana obligasi undang-undang atau peraturan;
- (iii) Pelanggaran dasar RISDA, amalan, prosedur atau kaedah-kaedah yang lain;
- (iv) Salah laku dalam hal-hal laporan kewangan;
- (v) Penyalahgunaan maklumat RISDA;
- (vi) Inventori atau kecurian aset;
- (vii) Kesalahan jenayah;
- (viii) Apa-apa perbuatan konflik kepentingan dengan pembekal, kontraktor, perunding atau vendor; dan,
- (ix) Mana-mana salah laku yang bercanggah dengan kepentingan RISDA.

JAMINAN KERAHSIAAN MAKLUMAT DAN IDENTITI

9. Semua maklumat dan identiti pemberi maklumat akan dilayan dengan cara yang rahsia dan sensitif. Maklumat hanya akan didedahkan kepada orang-orang yang diberi kuasa bagi tujuan penyiasatan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat itu. Identiti pemberi maklumat akan kekal rahsia. Pemberi Maklumat akan dimaklumkan mengenai tindakan ke atas pendedahan KTW yang dibuat.

MENDEDAHKAN KTW DENGAN NIAT JAHAT (*MALA FIDE*)

10. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana pegawai yang memberi maklumat KTW dengan niat jahat. Sebaliknya, jika pihak luar membuat laporan berbentuk *mala fide*, RISDA boleh mempertimbangkan untuk membuat laporan polis dan/atau mengambil tindakan selanjutnya yang difikirkan sesuai. Tindakan juga boleh dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan sekiranya didapati wajar.

KAEDAH PENGHANTARAN MAKLUMAT

11. Sebarang maklumat yang hendak disalurkan hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut atau mana-mana daripada butiran-butiran berikut:

- i) Nama dan pekerjaan orang yang melakukan kesalahan atau terlibat dengan kesalahan yang hendak diadukan.
- ii) Tempat di mana kesalahan itu dilakukan atau berlaku.
- iii) Tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan atau telah berlaku.
- iv) Apakah jenis kesalahan yang disyaki telah/sedang/akan dilakukan.
- v) Jika ada nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana mereka boleh dihubungi.
- vi) Jika boleh sila lampirkan dokumen, gambar atau video atau audio yang berkaitan kesalahan yang dilakukan.

Rujukan Kami:RISDA.100-1/7/4 ()

12. Mana-mana pegawai atau individu yang hendak memberi maklumat, penyaluran maklumat boleh dibuat dengan cara berikut :-

- a) Hadir ke Unit Integriti dan menyalurkan maklumat kepada,
Ketua Unit Integriti, Pejabat Ketua Pengarah, Tingkat 12,
Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang,
50990 Ampang, Kuala Lumpur
- b) Menulis surat ke alamat:
Ketua Unit Integriti, Pejabat Ketua Pengarah, Tingkat 12,
Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang,
50990 Ampang, Kuala Lumpur
- c) E-mel dengan menggunakan borang *whistle-blowing*. Borang *whistle-blowing* disertakan di Lampiran 1 dan boleh dimuat turun di laman web RISDA <http://www.risda.gov.my> dan boleh dihantar ke alamat emel: whistleblowing.risda@1govuc.gov.my.
- d) Pegawai atau mana-mana orang yang hendak memberi maklumat atau mendedahkan KTW adalah bebas membuat aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasa jika mereka memilih berbuat demikian.

CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN PEMBERIAN MAKLUMAT

13. Carta aliran adalah sepertimana dinyatakan di Lampiran 2.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pelaksanaan Polisi Pemberian Maklumat atau '*Whistle-blowing Policy*' di RISDA ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Rujukan Kami:RISDA.100-1/7/4 ()

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Membandarkan Luar Bandar'




(DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD)
Ketua Pengarah
RISDA

- s.k.,
- i. Ketua Pengarah
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)
 - iii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

DWAS/AZWMHW

BORANG WHISTLE-BLOWING RISDA	
Sila baca dan fahami polisi <i>whistle-blowing</i> RISDA.	
1.	Nama Penuh Pemberi Maklumat
2.	Nombor Kad Pengenalan
3.	Tempat bertugas/Jabatan
4.	Nombor Telefon/Rumah/ Pejabat/Bimbit
5.	Alamat e-mel
6.	Maklumat yang hendak disampaikan: (sila nyatakan nama orang atau orang-orang yang terlibat, kesalahan yang dilakukan, bila dan di mana dan nyatakan apa-apa dokumen yang terlibat)
7.	Lain-lain maklumat tambahan (video/audio/dan lain-lain):
8.	(Tandatangan penerima maklumat) Tarikh/Masa :

**CARTA ALIR PROSES
PENGENDALIAN PEMBERIAN MAKLUMAT**





**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
(RISDA)
(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR)**

Bangunan RISDA, KM 7, Jalan Ampang,
Karung Berkunci 11067,
50990 Kuala Lumpur

Tel : 03-4256 4022
Faks : 03-4257 6726
Laman Web: <http://www.risda.gov.my>

Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/2 JLD 3 (17)
Tarikh : 04 Mac 2021
19 Rejab 1442H

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah RISDA Negeri
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
Semua Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan/ Bahagian
Semua Pengetua Institut Pekebun Kecil (IKPK)/ RISTEC

Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 9 TAHUN 2021
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (PPPM) RISDA**

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Pengurusan RISDA melalui inisiatif 1.1.12.5 dalam RISDA *Anti-Corruption Plan* (RACP) 2019-2023 iaitu menyemak, menambahbaik dan memantapkan Polisi Pemberian Maklumat telah menambahbaik polisi sedia ada dengan membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (PPPM) RISDA.
3. Pembangunan Polisi ini dengan jelas mencerminkan komitmen Pengurusan Tertinggi RISDA ke arah menggalakkan pemberi maklumat membuat laporan atau aduan mengenai kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh Pegawai RISDA secara rasmi dan bertanggungjawab agar tindakan segera dapat diambil disamping menjaga imej RISDA.




4. Polisi ini adalah saluran aduan tambahan yang disediakan sekiranya saluran sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan berkenaan bersifat **SENSITIF** atau melibatkan penyelia dan Ketua Pusat Tanggungjawab. Melalui polisi ini juga, pemberi maklumat akan diberikan perlindungan apabila membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh Pegawai RISDA dengan suci hati.
5. Sehubungan itu, Arahan ini membatalkan Arahan Pentadbiran Bilangan 16 Tahun 2017 : Polisi Pemberian Maklumat (*Whistle-Blowing Policy*).
6. Bersama-sama ini disertakan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (PPPM) RISDA untuk tindakan dan perhatian Tuan/ Puan.
7. Arahan ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ABDULLAH BIN ZAINAN)
Ketua Pengarah RISDA

- s.k : i. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)


mah/polisiperindunganpemberianmaklumat/ui/desktop





POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (PPPM) RISDA

**UNIT
INTEGRITI**
NEUTRAL BUT TRUTHFUL
THAT'S OUR POLICE





POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

© Hak Cipta Unit Integriti, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada RISDA.

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi:

Unit Integriti, Pejabat Ketua Pengarah

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

Tingkat 4, Ibu Pejabat RISDA

Karung Berkunci 11067

50990 Kuala Lumpur

Tel: 03-42564022

Faks: 03-42576726

Laman web: <http://www.risda.gov.my>

Emel: integriti@risda.gov.my

ISI KANDUNGAN

- 1.0 PENGENALAN POLISI
- 2.0 PERNYATAAN POLISI
- 3.0 OBJEKTIF POLISI
- 4.0 SKOP POLISI
- 5.0 DEFINISI
- 6.0 SINGKATAN
- 7.0 JENIS-JENIS KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)
- 8.0 PEMBERI MAKLUMAT (PM)
- 9.0 PEMBERI MAKLUMAT TANPA IDENTITI (PMTI)
- 10.0 PROSEDUR PENDEDAHAN MAKLUMAT
- 11.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT
- 12.0 TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN (TYM)
- 13.0 JAMINAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT
- 14.0 PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
- 15.0 KEPATUHAN DAN PEMAKAIAN POLISI

RUJUKAN

LAMPIRAN A: CARTA ALIR PROSEDUR PENDEDAHAN KTW

LAMPIRAN B: BORANG PENDEDAHAN KTW

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

1.0 PENGENALAN POLISI

- 1.1 Penyampaian perkhidmatan oleh RISDA kepada kumpulan sasaran hendaklah dilaksanakan dengan adil, telus dan bertanggungjawab selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada termasuk dengan memastikan tahap profesionalisme, kejujuran, integriti dan etika sentiasa diamalkan oleh warganya.
- 1.2 RISDA sentiasa komited dalam mengamalkan prinsip kejujuran dan keterbukaan yang mana, mana-mana individu selaku Pemberi Maklumat (PM) sama ada pegawai RISDA atau orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang berlaku di RISDA adalah disarankan untuk melaporkannya dengan suci hati tanpa sebarang perasaan gentar atau bimbang terhadap sebarang tindakan balas yang akan dikenakan.
- 1.3 Bagi menggalakkan PM untuk tampil ke hadapan bagi menyalurkan sebarang maklumat, **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)** telah memperuntukkan perlindungan kepada PM untuk membuat sebarang pendedahan dengan suci hati kepada mana-mana Agensi Penguatkuasaan (AP) yang mana identiti mereka akan dilindungi termasuk diberikan kekebalan daripada tindakan sivil, jenayah atau sebarang Tindakan Yang Memudaratkan (TYM) setelah membuat pendedahan kepada AP.
- 1.4 Melihat kepada kepentingan dalam mengurus isu-isu berkaitan KTW yang berlaku di RISDA yang akan memberi kesan terhadap penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran, RISDA melalui **Arahan Pentadbiran Bilangan 16 Tahun 2017: Polisi Pemberian Maklumat** bertarikh 12 Disember 2017 telah menyediakan polisi pemberian maklumat yang sedang digunapakai dalam menguruskan pendedahan KTW oleh PM.

- 1.5 Bagi memperkukuhkan polisi sedia ada terutamanya daripada aspek perlindungan kepada PM, **Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (seterusnya akan di rujuk sebagai “Polisi ini”)** digubal dengan menambah baik polisi sedia ada dalam menggalakkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar (KTW) di RISDA dilaporkan oleh PM secara rasmi dan bertanggungjawab tidak hanya di kalangan pegawai RISDA sahaja namun oleh orang awam bagi membolehkan tindakan segera serta penyelesaian yang tuntas dapat diambil oleh RISDA.
- 1.6 Hal ini secara langsung dapat memastikan semua individu termasuk pegawai RISDA dan orang awam dapat menggunakan hak mereka untuk membuat pendedahan rasmi secara bertanggungjawab setelah mengesyaki sesuatu KTW sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku di RISDA.
- 1.7 Pendedahan KTW boleh dibuat oleh mana-mana pegawai RISDA atau orang awam mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang yang dilakukan oleh pegawai RISDA.
- 1.8 Intipati utama dalam polisi ini telah digubal mengikut kesesuaian di RISDA sejajar dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan lain-lain undang-undang dan peraturan yang berkaitan di Malaysia.
- 1.9 Polisi ini harus dipatuhi setiap masa dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan di Malaysia. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan bagi mana-mana bahagian dalam polisi ini dengan undang-undang dan peraturan di Malaysia, maka undang-undang di Malaysia akan digunapakai.
- 1.10 Polisi ini adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:
 - 1.10.1 Komitmen RISDA dalam mengangkat nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam menjalankan fungsi-fungsi utamanya serta penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar iaitu pekebun kecil.

- 1.10.2 Polisi ini selaras dengan Kod Etika RISDA iaitu nilai teras Amanah dan Telus yang perlu menjadi pegangan oleh semua pegawai RISDA dalam menjalankan tugas seharian.
- 1.10.3 Memastikan tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi dikalangan pegawai RISDA. Sebarang salah laku yang didedahkan akan bertindak sebagai amaran awal untuk mengenal pasti masalah atau menjangka situasi yang boleh menjejaskan imej RISDA untuk membolehkan risiko tersebut diuruskan dengan efektif bagi memastikan masalah tersebut tidak berulang di masa hadapan.
- 1.10.4 Melengkap dan memperluaskan saluran aduan sedia ada di RISDA yang mana ianya merupakan satu kaedah alternatif untuk pegawai RISDA serta orang awam untuk menyalurkan maklumat sekiranya saluran sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan berkenaan sensitif atau berkenaan penyelia terdekatnya atau Ketua Jabatan.
- 1.10.5 Memperlihatkan kesediaan dan keseriusan RISDA serta seluruh warganya untuk mencapai tahap etika dan pematuhan undang-undang yang tinggi yang akan dapat diaplikasikan dalam amalan dan budaya kerja seharian bagi membantu untuk menghalang sebarang penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan dan kesilapan pengurusan.

2.0 PERNYATAAN POLISI

- 2.1 RISDA komited dalam memastikan tahap integriti yang tinggi serta mengamalkan prinsip keterbukaan dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Ini adalah sejajar dengan aspirasi RISDA untuk memastikan segala urusan yang dilaksanakan berteraskan kepada etika kerja, kebertanggungjawaban dan ketelusan.
- 2.2 Berpaksi kepada nilai-nilai tersebut, RISDA telah menyediakan pelbagai saluran aduan yang boleh digunakan oleh kepada pegawai RISDA dan orang awam bagi menyalurkan sebarang aduan berkaitan penyampaian perkhidmatan oleh RISDA.

- 2.3 RISDA terus komited untuk menyediakan saluran tambahan kepada pegawai RISDA dan orang awam untuk menggalakkan mereka menyalurkan maklumat mengenai KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA tanpa sebarang perasaan takut atau bimbang terhadap sebarang tindak balas yang akan dikenakan.
- 2.4 Sedemikian, Polisi ini tidak menggantikan mana-mana saluran aduan sedia ada namun merupakan satu medium tambahan yang boleh digunakan oleh pegawai RISDA dan orang awam bagi menyalurkan maklumat berkaitan KTW yang berlaku di RISDA.

3.0 OBJEKTIF POLISI

3.1 Objektif Polisi ini dibangunkan adalah:

- 3.1.1 Memastikan nilai-nilai ketelusan, integriti, kebebasan dan akauntabiliti diamalkan di RISDA;
- 3.1.2 Menyediakan medium saluran tambahan kepada mana-mana individu selaku PM termasuk pegawai RISDA atau orang awam bagi menyalurkan maklumat mengenai KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA dengan sesegera mungkin secara bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalaman;
- 3.1.3 Memberi perlindungan kepada PM daripada TYM sekiranya membuat pendedahan maklumat dengan niat suci hati (*good faith*);
- 3.1.4 Menggalakkan dan memberi panduan jelas kepada pegawai RISDA dan orang awam untuk tampil menyalurkan maklumat berkaitan KTW secara rasmi kepada RISDA;
- 3.1.5 Memastikan setiap pendedahan yang dibuat dapat diambil tindakan dengan pendekatan dan tempoh masa yang bersesuaian. Setiap pendedahan akan ditangani mengikut sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan serta akibat atau kesan dari pendedahan tersebut.

3.1.6 Memastikan keadilan terhadap PM dan Pegawai Yang Dituduh (PYD).
Identiti PM akan dilindungi dan akan diberitahu mengenai status pendedahan beliau. PYD akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut.

4.0 SKOP POLISI

- 4.1 Polisi ini terpakai kepada pegawai RISDA dan orang awam yang telah didefinisikan dalam Polisi ini. Sekiranya selepas penyiasatan awal yang dilaksanakan mendapati bahawa maklumat yang didedahkan adalah tidak termasuk dalam ruang lingkup polisi ini, maklumat tersebut akan dipanjangkan kepada Bahagian yang terlibat atau AP yang berkaitan bagi diambil tindakan selanjutnya.
- 4.2 Pendedahan maklumat KTW boleh dibuat melalui saluran yang telah dinyatakan dalam Polisi ini. Tiada apa dalam Polisi ini yang melarang mana-mana PM daripada membuat pendedahan mengenai KTW yang berlaku di RISDA kepada AP, sebelum atau selepas pendedahan tersebut dibuat kepada RISDA.
- 4.3 Walau bagaimanapun, PM yang telah membuat pendedahan mengenai KTW kepada AP adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang mana maklumat tersebut akan ditadbir sepenuhnya oleh AP tersebut berdasarkan undang-undang yang ditetapkan dan PM tidak tertakluk kepada Polisi ini.
- 4.4 PM adalah digalakkan untuk mendapatkan nasihat daripada Ketua Unit Integriti (KUI) RISDA sekiranya Pemberi Maklumat (PM) tidak pasti sama ada sesuatu tindakan atau peninggalan tertentu oleh pegawai RISDA itu merupakan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) di bawah Polisi ini.

5.0 DEFINISI

BIL	TERMA	DEFINISI
1.	Ahli Pihak Berkuasa RISDA	Bermaksud Ahli Pihak Berkuasa RISDA yang dilantik oleh Menteri mengikut Seksyen 4, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (Akta 85).
2.	Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000	Bermaksud akta yang memperuntukkan peruntukan-peruntukan tatatertib yang terpakai kepada pegawai RISDA yang mana pelanggaran mana-mana tatakelakuan termasuk apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan dengannya merupakan satu kesalahan tatatertib dan boleh diambil tindakan di bawah peraturan-peraturan tersebut.
3.	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)	Bermaksud akta yang memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.
4.	Kelakuan Tidak Wajar	Bermaksud apa-apa tindakan, kelakuan dan salah laku yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah yang boleh dihukum di bawah peraturan RISDA dan undang-undang di Malaysia.

5.	Kesalahan Tatatertib	Bermaksud apa-apa tindakan atau peninggalan yang dilakukan oleh pegawai RISDA yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib di RISDA sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], undang-undang atau dalam suatu tatakelakuan, kod etika, peraturan, pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.
6.	Kesalahan Jenayah	Bermaksud apa-apa tindakan dan kelakuan yang dilakukan oleh pegawai RISDA yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
7.	Maklumat Sulit Pemberi Maklumat	Bermaksud maklumat berkaitan identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau keberadaan Pemberi Maklumat yang dirahsiakan dan hanya akan didedahkan kepada pihak yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan yang dirasakan perlu oleh RISDA.
8.	Orang Awam	Bermaksud mana-mana individu atau orang perseorangan di Malaysia yang mempunyai urusan dengan RISDA atau mempunyai pengetahuan atau maklumat mengenai Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang dilakukan oleh pegawai RISDA yang merupakan kesalahan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang.

9.	Pemberi Maklumat	Bermaksud mana-mana individu sama ada pegawai RISDA atau orang awam yang membuat pendedahan berkaitan KTW yang disyaki, berpotensi atau sebenarnya sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku kepada RISDA dengan mendedahkan identitinya.
10.	Pemberi Maklumat Tanpa Identiti	Bermaksud mana-mana individu sama ada pegawai RISDA atau orang awam selaku Pemberi Maklumat(PM) yang membuat pendedahan berkaitan sebarang Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang disyaki, berpotensi atau sebenarnya sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku kepada RISDA tanpa mendedahkan identitinya.
11.	Pegawai Penerima Maklumat	Bermaksud pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bagi mengambil, menerima dan menguruskan maklumat termasuk melaksanakan siasatan berkaitan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang didedahkan oleh Pemberi Maklumat (PM).
12.	Pemberian Maklumat	Bermaksud tindakan sukarela berdasarkan kepercayaan munasabah dan suci hati oleh Pemberi Maklumat (PM) untuk mendedahkan mengenai Kelakuan Tidak Wajar (KTW) yang disyaki, berpotensi atau sebenarnya sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku yang dilakukan oleh pegawai RISDA.

13.	Pegawai RISDA	Bermaksud seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh RISDA, dan dibayar emolumen oleh RISDA, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan atau ditempatkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau Syarikat Milikan RISDA atau mana-mana syarikat atau badan yang di dalamnya RISDA mempunyai kepentingan.
14.	Pegawai Yang Dituduh	Bermaksud seseorang pegawai RISDA yang dituduh melakukan KTW sama ada ianya kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
15.	Polisi	Bermaksud Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat RISDA.
16.	RISDA	Bermaksud Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.
17.	Suci Hati	Bermaksud kepercayaan yang munasabah atau niat jujur untuk bertindak tanpa mengambil kesempatan daripada orang lain walaupun terdapat teknikal undang-undang yang tidak dipenuhi.
18.	Tindakan Yang Memudaratkan	Bermaksud apa-apa jenis tindak balas yang akan dikenakan terhadap PM setelah mendedahkan maklumat KTW.
19.	Unit Integriti	Bermaksud unit yang bertanggungjawab di RISDA dalam mengurus dan mengawal selia Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat termasuk pendedahan maklumat berkaitan KTW serta menjalankan usaha kawalan dalaman serta menguruskan integriti di RISDA.

6.0 SINGKATAN

BIL	SINGKATAN	MAKSUD
1.	Akta 711	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
2.	Akta 605	Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
3.	AP	Agensi Penguatkuasaan
4.	APBR	Ahli Pihak Berkuasa RISDA
5.	KP	Ketua Pengarah
6.	KUI	Ketua Unit Integriti
7.	KTW	Kelakuan Tidak Wajar
8.	PM	Pemberi Maklumat
9.	PMTI	Pemberi Maklumat Tanpa Identiti
10.	PPM	Pegawai Penerima Maklumat
11.	PYD	Pegawai Yang Dituduh
12.	TYM	Tindakan Yang Memudaratkan

7.0 JENIS-JENIS KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)

7.1 Polisi ini digubal untuk memudahkan pegawai RISDA dan orang awam untuk mendedahkan KTW melalui saluran rasmi dalaman. Antara contoh-contoh KTW adalah seperti yang berikut:

7.1.1 Kejadian penipuan, rasuah atau sogokan;

7.1.2 Salah guna kuasa;

7.1.3 Kelakuan atau aktiviti yang telah melanggar mana-mana peraturan, obligasi undang-undang atau peraturan;

7.1.4 Pelanggaran dasar RISDA, amalan, prosedur, peraturan, kod etika atau lain-lain;

7.1.5 Salah laku dalam hal-hal laporan kewangan;

7.1.6 Penyalahgunaan maklumat RISDA;

7.1.7 Kecurian dan salah guna aset RISDA;

7.1.8 Kesalahan jenayah;

7.1.9 Apa-apa pelanggaran yang dinyatakan dalam Akta 605;

7.1.10 Apa-apa perbuatan konflik kepentingan; dan,

7.1.11 Mana-mana salah laku yang bercanggah dengan kepentingan RISDA.

- 7.2 Senarai di atas adalah tidak terhad dan akan merangkumi sebarang tindakan atau peninggalan, yang mana jika terbukti, merupakan satu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah di bawah peraturan dan garis panduan yang digunapakai di RISDA atau mana-mana undang-undang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

8.0 PEMBERI MAKLUMAT (PM)

- 8.1 Pendedahan mengenai KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA boleh didedahkan oleh mana-mana pegawai RISDA atau orang awam selaku PM.
- 8.2 PM hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai maklumat KTW tersebut sama ada kerana dia telah mengalami atau mengetahui sendiri KTW tersebut atau dimaklumkan oleh orang lain yang mana PM yakin dan percaya kepadanya bahawa KTW tersebut telah berlaku, sedang berlaku atau akan berlaku di RISDA.
- 8.3 Antara tanggungjawab PM dalam mengemukakan maklumat KTW yang berlaku adalah seperti berikut:-

8.3.1 Mengemukakan nama, alamat dan nombor telefon PM untuk dihubungi;

8.3.2 Membuat pendedahan terus kepada PPM sepertimana yang dinyatakan dalam Polisi ini;

- 8.3.3 Pendedahan maklumat KTW adalah tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan,
- 8.3.4 Pendedahan KTW hendaklah bersifat suci hati (*Good Faith*).
- 8.3.5 Tidak menghubungi PYD bagi mendapat fakta, maklumat atau membuat sebarang tuntutan berkaitan dengan pendedahan KTW; dan,
- 8.3.6 Tidak mengadakan sebarang perbincangan berkaitan KTW dengan mana-mana pihak kecuali PPM atau pasukan penyiasat yang dilantik.
- 8.4 PM yang tidak memenuhi elemen seperti para 8.3.1 hingga 8.3.6 tidak akan diberikan jaminan perlindungan di bawah Polisi ini.
- 8.5 PM yang hendak mengemukakan maklumat berkenaan KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA hendaklah memastikan bahawa pendedahan tersebut dibuat secara suci hati seperti di para 8.3.4.
- 8.6 Pendedahan tersebut hendaklah disokong dengan asas dan justifikasi yang kukuh yang mana PM mempercayai bahawa sesuatu KTW yang sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku dan pendedahan tersebut dibuat atas kepentingan awam dan RISDA secara spesifiknya dan bukannya bagi tujuan peribadi.
- 8.7 Elemen-elemen **Suci Hati (*Good Faith*)** boleh dianggap lemah dan dipertikaikan sekiranya kriteria-kriteria berikut wujud:
- 8.7.1 PM itu sendiri telah terlibat dan melakukan KTW yang didedahkan;
- 8.7.2 PM itu secara sukarela telah mendedahkan KTW tersebut yang mana secara material PM itu mengetahui dan mempercayai bahawa maklumat tersebut adalah tidak benar atau dipercayai tidak pernah berlaku;
- 8.7.3 Pendedahan KTW itu adalah bersifat sembrono atau menjengkelkan;

- 8.7.4 PM tidak mempunyai pengetahuan langsung dan fakta asas berkenaan KTW yang berlaku;
- 8.7.5 Pendedahan KTW tersebut dibuat semata-mata atau secara substansial dengan motif untuk mengelak daripada diambil tindakan oleh mana-mana pihak termasuk AP atau tindakan tatatertib oleh RISDA;
- 8.7.6 PM telah mengemukakan apa-apa dokumen atau bukti yang mana setelah siasatan awal dilaksanakan mendapati dokumen yang dikemukakan adalah dokumen palsu atau secara dasarnya tidak mempunyai kaitan langsung dengan KTW yang didedahkan; dan,
- 8.7.7 Jika terdapat apa-apa keadaan yang memperlihatkan bahawa pendedahan tersebut telah dibuat tanpa sebarang asas, dengan niat jahat, motif tersembunyi atau untuk kepentingan peribadi PM dan pihak berkepentingan dengan PM.

9.0 PEMBERI MAKLUMAT TANPA IDENTITI (PMTI)

- 9.1 Mana-mana pegawai RISDA atau orang awam boleh memilih untuk mendedahkan KTW yang berlaku dengan tidak mendedahkan identiti mereka. Walau bagaimanapun, RISDA mempunyai hak yang mutlak untuk memutuskan sama ada maklumat yang didedahkan akan diambil tindakan atau tidak.
- 9.2 Dalam mempertimbangkan tindakan yang akan diambil berdasarkan maklumat pendedahan oleh PMTI, faktor-faktor yang perlu diambil kira adalah keseriusan kesalahan, kredibiliti pertuduhan, kualiti maklumat dan sama ada maklumat tersebut boleh dilaksanakan siasatan berdasarkan sumber lain selain maklumat yang dikemukakan oleh PMTI.
- 9.3 PMTI yang memilih untuk mengemukakan maklumat tanpa mendedahkan identiti mereka tidak akan diberikan sebarang jaminan perlindungan seperti mana dalam Polisi ini.

- 9.4 Hasil siasatan daripada maklumat yang dikemukakan oleh PMTI tidak akan didedahkan dan dimaklumkan kepada PMTI dan RISDA berhak memutuskan sebarang tindakan yang akan diambil terhadap hasil siasatan tersebut.

10.0 PROSEDUR PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 10.1 Sebarang pendedahan mengenai maklumat KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA hendaklah disalurkan menggunakan **Borang Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (RISDA.WBP/B1/2021)** kepada pegawai yang bertanggungjawab sebagai PPM melalui medium yang telah ditetapkan seperti berikut:

Pegawai Yang Dituduh (PYD)	Pegawai Penerima Maklumat (PPM)	Alamat Emel	Alamat Surat Menyurat	No.Telefon
Pegawai RISDA	KP RISDA	kpwbp@risda.gov.my	Tingkat 12, Pejabat Ketua Pengarah, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990, Kuala Lumpur.	03-42564022 (samb:101)
	KUI RISDA	kuiwbp@risda.gov.my	Tingkat 4, Unit Integriti Pejabat Ketua Pengarah, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990, Kuala Lumpur.	03-42564022 (samb:648)

- 10.2 PM hendaklah mengisi dengan lengkap borang RISDA.WBP/B1/2021 termasuk dengan menyertakan dokumen-dokumen atau bukti berkaitan dengan KTW yang berlaku (jika ada) dan seterusnya menyalurkan maklumat secara terus kepada PPM mengikut medium saluran yang ditetapkan.
- 10.3 PM adalah disarankan untuk mengemukakan maklumat tersebut melalui emel atau dihantar secara pos ke alamat rasmi PPM. PM akan dihubungi oleh PPM setelah maklumat tersebut diterima sekiranya terdapat keperluan bagi PPM semasa menjalankan siasatan termasuk untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada PM.
- 10.4 Sekiranya dalam apa-apa keadaan maklumat KTW tersebut adalah melibatkan kesalahan atau pelanggaran yang dilakukan oleh APBR atau KP RISDA, maklumat KTW tersebut hendaklah dikemukakan kepada **MENTERI/KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAWAL** bagi diambil tindakan selanjutnya. Maklumat yang didedahkan akan ditadbir dan diurus sepenuhnya oleh Kementerian Pengawal.
- 10.5 PM pada bila-bila masa adalah bebas dan tidak dilarang untuk membuat pendedahan KTW yang berlaku kepada mana-mana AP sebelum atau selepas pendedahan tersebut dibuat kepada RISDA. Namun sekiranya PM memilih untuk membuat pendedahan KTW kepada AP, PM tidak akan dilindungi di bawah polisi ini atau perlindungan yang telah diberikan adalah terbatal. Pendedahan PM akan ditadbir sepenuhnya oleh AP dan PM akan dilindungi dibawah Akta 711 jika memenuhi syarat.
- 10.6 Adalah diingatkan, pendedahan KTW oleh PM hendaklah disertakan dengan maklumat yang sahih, termasuk dengan dokumen sokongan yang berasaskan dengan alasan yang munasabah yang mana PM mempercayai sesuatu KTW sedang berlaku, telah berlaku atau akan berlaku.

- 10.7 Sekiranya PM sendiri pernah atau sedang terlibat dengan kesalahan atau salah laku bagi pendedahan yang dibuat oleh beliau, PM hendaklah membuat pengakuan dengan sukarela dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah polisi ini termasuklah dikecualikan daripada pembatalan perlindungan bergantung kepada tahap keseriusan dan sejauh mana penglibatan PM dalam KTW tersebut.
- 10.8 Pendedahan KTW oleh PM hendaklah berasaskan kepada prinsip **5W (Who, What, When, Where, Why)** dan **1H (How)** bagi memudahkan PPM menjalankan siasatan lanjut dan mengandungi butiran lengkap antaranya seperti berikut:
- 10.8.1 Identiti PYD (nama, jawatan, dan pusat tanggungjawab) yang melakukan kesalahan atau terlibat dengan kesalahan yang hendak diadukan;
 - 10.8.2 Jenis kesalahan yang disyaki telah/sedang/akan dilakukan;
 - 10.8.3 Tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan atau telah berlaku;
 - 10.8.4 Tempat di mana kesalahan itu dilakukan atau berlaku;
 - 10.8.5 Nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan bagaimana mereka boleh dihubungi;
 - 10.8.6 Dokumen, gambar, video, audio atau lain-lain bukti sokongan berkaitan KTW yang dapat membantu siasatan; dan,
 - 10.8.7 Lain-lain maklumat yang berkaitan dengan KTW yang diketahui atau dipercayai telah berlaku, sedang berlaku atau akan berlaku yang dapat membantu siasatan.

11.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT

- 11.1 Maklumat pendedahan KTW yang dilakukan oleh pegawai RISDA hendaklah dikemukakan secara terus kepada PPM untuk diambil tindakan selanjutnya. PPM merupakan individu yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk menerima dan mengambil tindakan terhadap maklumat tersebut termasuk menjalankan siasatan.
- 11.2 Setelah menerima maklumat daripada PM, PPM hendaklah menyemak dan menilai pendedahan yang dilakukan oleh PM dan seterusnya memutuskan tindakan seterusnya dengan sesegera mungkin. Ini adalah termasuk dengan mempertimbangkan keperluan untuk mendapatkan maklumat tambahan, menjalankan siasatan yang terperinci atau membuat laporan kepada mana-mana AP.
- 11.3 Sekiranya pendedahan KTW tersebut melibatkan tuduhan terhadap KUI RISDA yang mana beliau juga selaku PPM, beliau hendaklah dikecualikan dalam melaksanakan apa-apa tindakan termasuk menjalankan siasatan terhadap maklumat KTW tersebut. KP RISDA akan melantik pegawai lain yang mana pada pandangan beliau bersesuaian dan tidak mempunyai sebarang kepentingan selaku PPM untuk mengurus dan menjalankan siasatan terhadap maklumat KTW tersebut.
- 11.4 Siasatan oleh PPM dalam mengesahkan kesahihan maklumat KTW yang didedahkan oleh PM hendaklah berdasarkan kepada pendedahan rasmi sukarela yang dibuat oleh PM melalui borang RISDA.WBP/B1/2021 dan dokumen-dokumen dan bukti sokongan yang disertakan.
- 11.5 PPM tertakluk kepada bidang kuasanya, juga boleh memanggil mana-mana pihak termasuk PM atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan maklumat KTW tersebut semasa menjalankan siasatan.
- 11.6 PPM juga perlu memanggil dan mendapatkan penjelasan daripada PYD sama ada secara bersemuka atau bertulis mengenai tuduhan-tuduhan terhadap beliau bagi membolehkan PYD mengemukakan representasi atau jawapan untuk membela diri.

- 11.7 Sekiranya semasa siasatan dijalankan terdapat keperluan bagi siasatan lanjut dilaksanakan, KP RISDA boleh melantik dan menubuhkan pasukan penyiasat yang terdiri daripada mana-mana pegawai yang mana pada pandangan beliau bersesuaian dan tidak mempunyai sebarang kepentingan bagi menjalankan siasatan terperinci mengenai maklumat KTW tersebut.
- 11.8 Pasukan penyiasat hendaklah menjalankan siasatan yang terperinci terhadap maklumat KTW tersebut dan mengemukakan laporan lengkap yang mengandungi penemuan dan syor kepada PPM untuk diambil tindakan selanjutnya.
- 11.9 PPM setelah selesai menjalankan siasatan terhadap pendedahan KTW tersebut, hendaklah mengemukakan laporan lengkap kepada KP RISDA yang mengandungi penemuan dan syor hasil daripada siasatan yang dijalankan.
- 11.10 Sekiranya hasil siasatan tersebut mendapati, wujud merit yang mana seseorang pegawai RISDA itu telah melakukan kesalahan atau pelanggaran, tindakan selanjutnya hendaklah diambil mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.
- 11.11 Sekiranya hasil siasatan mendapati tiada sebarang pelanggaran atau kesalahan dilakukan oleh pegawai RISDA, kes tersebut dianggap selesai dan ditutup.
- 11.12 Hasil dan penemuan siasatan oleh PPM juga hendaklah dimaklumkan kepada PM.

12.0 TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN (TYM)

- 12.1 Tindakan akan diambil kepada mana-mana Pegawai RISDA yang terlibat dalam mengambil TYM kepada PM termasuk dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta 605 atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan.
- 12.2 Tindakan Yang Memudaratkan (TYM) adalah termasuk :-
- 12.2.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;

12.2.2 Ugutan atau gangguan;

12.2.3 Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian pemberi maklumat, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion atau pengambilan tindakan tatatertib; dan,

12.2.4 Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perkara 12.2.1 hingga 12.2.3.

12.3 Senarai di atas adalah tidak terhad dan akan merangkumi sebarang tindakan yang boleh dianggap satu TYM yang akan atau telah dikenakan terhadap PM setelah PM mendedahkan maklumat KTW yang berlaku.

12.4 PM yang telah menjadi mangsa terhadap TYM kerana mendedahkan KTW atau mempunyai sebab untuk mempercayai atau bimbang mereka terdedah kepada risiko TYM akibat pendedahan maklumat yang dibuat, boleh melaporkan perkara tersebut kepada PPM agar langkah perlindungan dapat diambil. Perlindungan terhadap TYM boleh dipanjangkan kepada pegawai RISDA yang lain yang berkaitan dengan PM dalam kes tersebut.

12.5 PPM setelah menerima aduan daripada PM mengenai TYM hendaklah melaksanakan siasatan segera bagi mengesahkan aduan berkaitan TYM tersebut.

12.6 Setelah siasatan selesai dilaksanakan, PPM hendaklah:-

12.6.1 Jika tiada kesalahan dibuktikan, memaklumkan kepada PM hasil siasatan dan tiada tindakan lanjut terhadap maklumat tersebut.

12.6.2 Jika wujud kesalahan Tatatertib, kemukakan kepada Unit Integriti.

12.6.3 Jika wujud kesalahan Jenayah, kemukakan kepada AP berkaitan (jika perlu).

13.0 JAMINAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT (PM)

- 13.1 Polisi ini melindungi PM yang membuat pendedahan KTW secara jujur dan suci hati (*Good Faith*). Maklumat yang diberikan hendaklah munasabah dan dalam kawalan RISDA walaupun pendedahan yang dibuat itu kemudiannya didapati tidak benar atau tidak berasas.
- 13.2 Semua maklumat dan identiti PM akan diurus dengan cara rahsia dan sensitif. Identiti PM akan dilindungi dan dirahsiakan melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang untuk didedahkan.
- 13.3 Maklumat yang dikemukakan oleh PM hanya akan didedahkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam siasatan atau AP dengan kebenaran KP RISDA. Identiti pemberi maklumat akan kekal rahsia. PM akan dimaklumkan mengenai tindakan ke atas pendedahan KTW yang dibuat.
- 13.4 PM akan dilindungi daripada TYM oleh RISDA setelah pendedahan dilakukan. RISDA tidak akan sama sekali bertoleransi terhadap sebarang TYM yang dikenakan kepada PM yang telah mendedahkan maklumat dengan suci hati walaupun setelah siasatan yang dijalankan mendapati maklumat tersebut tidak benar. Mana-mana Pegawai RISDA yang terlibat dalam mengambil TYM terhadap PM akan dikenakan tindakan.
- 13.5 Di bawah Polisi ini, PM adalah akan diberi jaminan perlindungan sekiranya memenuhi syarat berikut:
 - 13.5.1 Pendedahan tersebut dibuat secara suci hati (*Good Faith*), tidak sembrono atau menjengkelkan atau dibuat dengan niat jahat;
 - 13.5.2 PM bersedia untuk mendedahkan identiti;
 - 13.5.3 PM tidak mendedahkan maklumat KTW kepada pihak lain;

- 13.5.4 Pendedahan KTW hendaklah dibuat kepada PPM melalui emel, surat atau bersemuka dengan PPM. PM perlu bersedia untuk mendedahkan identiti termasuk bagaimana cara untuk beliau boleh dihubungi.
- 13.6 Antara perlindungan yang akan dinikmati oleh PM yang mendedahkan maklumat dengan suci hati (*Good Faith*) di bawah Polisi ini adalah seperti berikut:
- 13.6.1 Identiti PM serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa melainkan kepada pihak yang terlibat dengan siasatan atau sekiranya dikehendaki oleh undang-undang;
- 13.6.2 PM tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut;
- 13.6.3 PM dilindungi daripada sebarang TYM hasil pendedahan yang telah dibuat; dan,
- 13.6.4 Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan PM dalam menyalurkan maklumat mengenai KTW tersebut.
- 13.7 Mana-mana Pegawai RISDA selaku PM yang membuat pendedahan dengan niat jahat boleh dikenakan tindakan berdasarkan peraturan termasuk dipertimbangkan untuk dikenakan tindakan tatatertib.
- 13.8 Mana-mana orang awam selaku PM yang membuat pendedahan dengan niat jahat termasuk dengan niat untuk mencemar imej pegawai RISDA atau RISDA itu sendiri boleh diambil tindakan undang-undang mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.
- 13.9 Segala bentuk TYM yang dilakukan oleh Pegawai RISDA terhadap PM kerana mendedahkan KTW adalah dilarang dan boleh menyebabkan pegawai tersebut dikenakan tindakan termasuk dipertimbangkan untuk dikenakan tindakan tatatertib

14.0 PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

14.1 PM adalah diingatkan bahawa jaminan perlindungan yang diberikan boleh ditarik semula dan dibatalkan sekiranya pendedahan maklumat KTW tersebut:

14.1.1 PM sendiri telah terlibat dengan KTW tersebut dan pendedahan yang dibuat adalah kerana kepentingan peribadi PM bagi mengelak daripada diambil tindakan dibawah peraturan atau undang-undang yang berkuat kuasa;

14.1.2 PM memilih untuk mendedah dan menyalurkan maklumat kepada AP bagi dilindungi dibawah Akta 711;

14.1.3 PM dengan sengaja telah membuat pernyataan palsu;

14.1.4 Pendedahan KTW dibuat bagi mempersoalkan merit dasar Kerajaan dan RISDA;

14.1.5 Pendedahan KTW dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/tindakan tatatertib yang lain;

14.1.6 Pendedahan KTW dibuat dengan niat jahat (*Mala Fide*); dan,

14.1.7 Apa-apa keadaan yang mana apabila diketahui bahawa pendedahan maklumat KTW oleh PM adalah untuk kepentingan peribadi PM atau mana-mana pihak yang berkepentingan dan mempunyai kaitan dengan PM.

15.0 KEPATUHAN DAN PEMAKAIAN POLISI

15.1 Polisi ini terpakai kepada semua Pegawai RISDA dan orang awam yang berkenaan dan terlibat dalam mendedahkan KTW yang berlaku di RISDA.

15.2 Polisi ini turut dipanjangkan kepada semua Syarikat Milikan RISDA untuk digunakan pakai tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing.


- 15.3 UI RISDA adalah bertanggungjawab sebagai pentadbir bagi semua isu-isu berkaitan pelaksanaan polisi ini, pentadbiran Polisi ini tidak hanya melibatkan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Polisi ini tetapi termasuk dengan mewujudkan kesedaran kepada pegawai RISDA dan orang awam berkaitan nilai integriti, keterbukaan, akauntabiliti yang sentiasa diamalkan di RISDA.
- 15.4 RISDA pada bila-bila masa berhak untuk meminda mana-mana bahagian dalam Polisi ini dari semasa ke semasa.
- 15.5 Pemakaian Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan pemakaian ini dikeluarkan. Sedemikian, **Arahan Pentadbiran Bilangan 16 Tahun 2017: Polisi Pemberian Maklumat** bertarikh 12 Disember 2017 adalah dibatalkan.

RUJUKAN

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
3. Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.
4. Polisi Pemberian Maklumat Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).
5. Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat Kementerian Dalam Negeri (KDN).
6. Polisi Pemberian Maklumat Bank Negara Malaysia (BNM).
7. Polisi Pemberian Maklumat Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS).
8. Polisi Pemberian Maklumat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR



LAMPIRAN B

RISDA.WBP/B1/2021



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

BORANG PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

NO RUJUKAN:

Sila baca dengan teliti sebelum mengisi borang di bawah.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMBERI MAKLUMAT			
1	Nama		
2	No. Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport) (Lampirkan salinan kad pengenalan)		
3	Pusat Tanggungjawab/Alamat		
4	Jantina		
5	Bangsa		
6	Alamat Surat-Menyurat		
7	No. Telefon	Rumah:	Pejabat:
		Bimbit:	
8	Alamat Emel		

B.	MAKLUMAT PEGAWAI YANG DITUDUH (PYD) YANG TERLIBAT DENGAN KELAKUAN TIDAK WAJAR <i>(Walaupun tiada maklumat orang yang diadu siasatan tetap akan dijalankan)</i>	
i.	Nama Pegawai Yang Dituduh (PYD) (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport PYD (jika diketahui)	
	Jawatan PYD (jika diketahui)	
	Pusat Tanggungjawab PYD (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan PYD	
ii.	Nama Pegawai Yang Dituduh (PYD) (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport PYD (jika diketahui)	
	Jawatan PYD (jika diketahui)	
	Pusat Tanggungjawab PYD (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan PYD	
III.	Nama Pegawai Yang Dituduh (PYD) (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport PYD (jika diketahui)	
	Jawatan PYD (jika diketahui)	
	Pusat Tanggungjawab PYD (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan PYD	

C.	Butiran Kelakuan Tidak Wajar	Tarikh: Masa:	
		Tempat:	
		Butiran Kejadian:	
D.	Adakah Anda Pernah Melaporkan Perkara Ini Kepada Agensi/ Jabatan Lain?	YA	TIDAK
		Jika YA, nyatakan: (i) Nama Pegawai yang telah menerima laporan (ii) Kementerian/ Jabatan yang telah menerima laporan (iii) Tarikh laporan dibuat (iv) Status Kes Yang Diadukan	

Peringatan :

-Sila kemukakan dokumen sokongan jika ada.

-Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan

E.	PENGAKUAN
i.	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
ii.	Saya faham bahawa dengan menandatangani borang ini saya dan mana-mana orang yang mempunyai hubungan rapat dengan saya akan mendapat perlindungan seperti yang diperuntukkan dalam Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat RISDA .
iii.	Saya faham sekiranya pendedahan ini didapati tidak benar, dibuat dengan niat jahat atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah polisi ini atau undang-undang, saya boleh diambil tindakan berdasarkan peraturan atau undang-undang yang berkuat kuasa dan perlindungan terhadap saya akan dibatalkan.
iv.	Saya bersetuju supaya maklumat ini boleh dimajukan kepada pihak lain termasuk agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk disiasat sekiranya pendedahan ini bukan di bawah bidang kuasa RISDA.
Tandatangan :	
Nama :	
Tarikh :	

Untuk kegunaan pejabat

Keputusan

- ☐ Layak mendapat perlindungan
- ☐ Tidak layak mendapat perlindungan
- ☐ Siasat dan lapor
- ☐ Salur maklumat kepada Bahagian/ Agensi Penguatkuasaan

Nama Pegawai Penerima Maklumat:

Jawatan :

Tarikh :